

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN


BILANGAN 9 TAHUN 2023

INSENTIF DAN KELONGGARAN SYARAT SERTA TAMBAHAN SEKATAN
KEPENTINGAN BERKENAAN PERMOHONAN PENGUBAHAN TEMPOH
PEMILIKAN PAJAKAN TANAH KEPADA TEMPOH SELAMA-LAMA KEPADA
ORANG MELAYU ANAK KELANTAN DI BAWAH PERUNTUKAN
BERKENAAN KEADAAN-KEADAAN KHAS DI BAWAH SEKSYEN 76(aa)(iii)
KANUN TANAH NEGARA 1965

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 13/2023 dan kali ke 19/2023 yang bersidang pada 21 Jun 2023 dan 4 Oktober 2023 telah bersetuju memberikan insentif dan kelonggaran syarat serta tambahan sekatan kepentingan berkenaan dengan permohonan perubahan tempoh pajakan tanah kepada tempoh selama-lama kepada Orang Melayu Anak Kelantan di bawah peruntukan berkenaan keadaan-keadaan khas di bawah Seksyen 76(aa)(iii) Kanun Tanah Negara 1965 seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling PTG Bilangan 5/2023 sebagaimana berikut:

1. Insentif bagi menggalakkan permohonan adalah sebagaimana berikut:
 - 1.1. Tempoh insentif galakan ini ialah selama satu (1) tahun dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan ;
 - 1.2. Potongan tiga puluh peratus (30%) dari nilai premium yang dikenakan (Perenggan 7.2.3 Pekeliling PTG Bilangan 5/2023) ;
 - 1.3. Bagi nilai premium tidak melebihi RM 15,000.00 iaitu nilai selepas pengurangan, dibenarkan untuk membuat bayaran secara sekali bayaran (*lump sum*) tanpa perlu melalui cara *in lieu* yang dinyatakan di perenggan 7.3 Pekeliling PTG Bilangan 5/2023 ;

- 1.4. Selain dari itu merujuk kepada bayaran ansuran melalui cukai tanah iaitu bayaran *in lieu* yang dinyatakan di perenggan 7.2.3 Pekeliling PTG Bilangan 5/2023, tempoh ansuran adalah tidak kurang dari 2 tahun dan tidak melebihi 10 tahun.
2. Kelonggaran syarat-syarat permohonan adalah sebagaimana berikut:
 - 2.1. Tanah-tanah berkepunyaan bersama iaitu pemilikan bersama 2 orang atau lebih dibenarkan untuk memohon dengan syarat kesemua pemilik adalah Melayu Anak Kelantan yang dilahirkan di Kelantan dan kesemua pemilik bersetuju untuk membuat permohonan.
 - 2.2. Pemilik-pemilik tanah yang mana pemilikannya berdaftarnya tidak sampai 10 tahun dibenarkan memohon untuk mendapatkan pengubahan tempoh pemilikan kepada selama-lama. Bagi tujuan pengiraan premium maka ianya adalah berdasarkan pengiraan premium untuk pemilikan tidak melebihi 11 tahun;
 - 2.3. Tempoh kelonggaran syarat ini adalah sehingga 31 Mac 2024.
3. Tambahan sekatan kepentingan adalah sebagaimana berikut :
 - 3.1. Pajakan tanah di bawah Seksyen 221 Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri dan untuk tempoh tidak melebihi 33 tahun;
 - 3.2. Tanah ini tidak boleh didaftarkan Perintah Jualan melalui lelongan awam kepada Bukan Melayu sama ada Anak Kelantan atau Bukan Anak Kelantan, dan juga kepada Melayu Bukan Anak Kelantan.
4. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



DATO' ROSHAZLI BIN HAJI AMIN, *D.P.S.K.(Kelantan)*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Mulia / Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YBM. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.1/3/11(38).

BERTARIKH : 13 November 2023/29 Rabiul Akhir 1445H.

